

ASPIRASI PEKERJAAN PARA PELATIH INSTITUT KEMAHIRAN MARA (IKM) JOHOR BAHRU TERHADAP LATIHAN YG DIIKUTI

Yahya bin buntat, Faizah Binti Sharip
Universiti Teknologi Malaysia

ABSTRAK

Tujuan kajian ini dilakukan adalah untuk mengenalpasti aspirasi pekerjaan para pelatih IKM Johor Bahru terhadap latihan yang diikuti. Di dalam kajian ini, penyelidik menggunakan instrument yang berbentuk soal selidik yang mengandungi 30 item soalan dan dibahagikan kepada 2 bahagian. Pengedaran soal selidik dilakukan sendiri oleh penyelidik. Data yang diperolehi diproses dengan menggunakan perisian SPSS. Kaedah min digunakan sebagai cara penganalisan bagi kajian ini. Hasil daripada kajian ini mendapati majoriti pelatih IKM Johor Bahru mempunyai aspirasi pekerjaan yang positif terhadap latihan yang diikuti. Pelatih-pelatih ini mempunyai keyakinan bahawa dengan latihan yang diikuti mereka akan dapat mengaplikasikan kemahiran yang diperolehi untuk digunakan apabila bekerja nanti. Kebanyakan pelatih juga lebih berminat untuk bekerja sendiri dan mereka yakin dengan latihan yang diperolehi, peluang-peluang pekerjaan untuk mereka adalah lebih luas. Mereka juga berpendapat dengan latihan yang diikuti juga, dapat menepati kehendak mereka untuk mendapatkan pekerjaan yang mereka inginkan.

PENGENALAN

Usaha ke arah membangunkan sumber manusia yang lebih terarah dan tersusun telah pun dilaksanakan oleh kerajaan melalui program pendidikan dan latihan kemahiran teknik dan vokasional dalam pelbagai peringkat. Sehingga kini, pendidikan teknik dan vokasional berubah mengikut peredaran masa dan zaman. Ianya direalisasikan untuk menghasilkan sumber tenaga manusia yang berkualiti tinggi, bagi memenuhi permintaan negara di dalam menuju hasrat Wawasan 2020.

Sebagai sebuah negara yang sedang membangun, keperluan sumber tenaga manusia merupakan perkara penting yang perlu difikirkan untuk memenuhi pelbagai sektor pekerjaan. Sehubungan dengan itu, pelbagai usaha dilakukan untuk menampung keperluan sumber tenaga manusia yang mahir dan separuh mahir telah dijalankan. Kerajaan telah menyarankan agar institusi yang terlibat dalam penyediaan sumber tenaga manusia, meningkatkan keupayaan dan latihan yang dijalankan. Dengan adanya pelbagai latihan, diharapkan agar para belia dapat merebut peluang yang disediakan, sebagai jaminan untuk mendapatkan pekerjaan.

Secara umumnya, pekerjaan merupakan sesuatu keperluan bagi setiap individu untuk menyara kehidupan. Dengan adanya pekerjaan, terutamanya kepada pelatih lepasan institusi kemahiran, menjadikan latihan yang diperolehi semasa di pusat latihan dapat memberikan faedah kepada kehidupan mereka. Sehubungan dengan itu, para pelatih di

institusi kemahiran, seharusnya mempunyai aspirasi pekerjaan terhadap latihan yang diikuti, bersesuaian dengan matlamat latihan yang disediakan.

Menurut Kuvlesky & Bealer 1966; Lueptow 1981 di dalam kajian Zakaria dan T. Subahan, aspirasi pekerjaan ditarifkan sebagai pekerjaan yang dikehendaki oleh seseorang sekiranya diberi kebebasan memilih. Ia merupakan cita-cita seseorang terhadap sesuatu pekerjaan tanpa mengira halangan-halangan yang mungkin dihadapinya. Oleh yang demikian, seharusnya latihan yang disediakan di sesebuah institusi kemahiran bukan sahaja dapat memenuhi kehendak industri, malah ia dapat memenuhi aspirasi pekerjaan para pelatihnya.

Sehubungan dengan itu, Malaysia sebagai sebuah negara yang sedang membangun, telah menyediakan beberapa buah institusi kemahiran bagi memenuhi permintaan sumber tenaga manusia yang dikehendaki. Disamping itu, ia juga dapat menyediakan para belia untuk mendapatkan latihan kemahiran bagi memudahkan mereka memasuki bidang pekerjaan tertentu. Institusi-institusi yang terlibat adalah seperti Institusi Kemahiran Belia Negara (IKBN), Institusi Latihan Perindustrian (ILP), Pusat Giat Mara dan sebagainya. Selain daripada itu, salah sebuah agensi kerajaan yang turut menyumbangkan ke arah pembangunan sumber manusia ialah Institusi Kemahiran MARA (IKM).

Sebagai sebuah institusi kemahiran, Institusi Kemahiran Mara merupakan salah sebuah institusi yang telah dipertanggungjawabkan untuk melatih para belia dalam bidang kemahiran tertentu dan bertanggungjawab terhadap pembangunan sumber manusia sejajar dengan matlamat penubuhannya. Menurut Datuk Hishammuddin bin Tun Hussein, di dalam pengurusan pembangunan belia, pihak kerajaan telah mengeluarkan belanja yang agak banyak dimana untuk tahun 2004 sahaja, sebanyak RM82.5 juta diperuntukkan untuk melatih para belia yang sedang mengikuti latihan di institusi kemahiran di seluruh negara (Ramli Abdul Karim, 2004). Latihan yang berteraskan pendidikan teknik dan vokasional ini, diharapkan akan dapat melahirkan tenaga kerja berkemahiran yang amat diperlukan oleh industri dan dapat meningkatkan ekonomi negara. Seterusnya dapat menyumbang kepada peningkatan serta kemajuan negara ke arah mencapai Wawasan 2020.

OBJEKTIF KAJIAN

Bagi mencapai objektif kajian, maka beberapa objektif dinyatakan di bawah ini.

- (1) Mendapatkan pandangan para pelatih Institut Kemahiran Mara terhadap latihan kemahiran yang diikuti di institut ini.
- (2) Mengenalpasti jenis pekerjaan yang akan diceburi oleh para pelatih setelah mengikuti latihan di institusi ini.
- (3) Mengenalpasti sama ada latihan yang diikuti dapat memberi peluang pekerjaan yang luas kepada pelatih Institut Kemahiran Mara.
- (4) Mengenalpasti sama ada latihan yang diikuti memenuhi kehendak pekerjaan para pelatih Institut Kemahiran Mara.

KAEDAH KAJIAN

Kajian yang di jalankan adalah kajian berbentuk deskriptif secara tinjauan dengan menggunakan instrumen soal selidik yang diedarkan kepada para pelatih untuk dijawab. Menurut Mohd Majid (2000), penyelidikan deskriptif bermatlamat untuk menerokai sesuatu bidang yang belum atau kurang dikaji. Kajian yang dilakukan adalah bertujuan untuk menerangkan dan menjelaskan sesuatu keadaan atau fenomena yang berlaku.

TEMPAT KAJIAN

Kajian ini dijalankan terhadap para pelatih di Institut Kemahiran Mara Johor Bahru yang sedang menjalani latihan.

Dalam kajian ini populasinya adalah terdiri daripada pelatih-pelatih IKM Johor Bahru yang berada dalam tahun akhir bagi sesi 2003/2004. Jumlah populasi dalam kajian ini ialah seramai 98 orang.

Sampel kajian pula, merangkumi ahli-ahli dari kumpulan yang kecil yang dipilih secara rawak dari populasi untuk mengkaji sifat atau parameter populasi (Alias Baba, 1997). Bilangan responden untuk dijadikan sampel dalam kajian ini ialah seramai 77 orang. Jumlah ini mengikut panduan yang dikemukakan oleh Krejcie dan Morgan (1970). Mereka berpendapat bahawa ia dapat memberikan ketepatan 95 peratus dalam kajian.

HASIL KAJIAN

Apakah pandangan pelatih Institut Kemahiran Mara terhadap latihan yang diikuti?

Secara keseluruhannya pandangan responden terhadap latihan yang diikuti menunjukkan skor min yang tinggi. Berdasarkan kepada dapatan analisis data, didapati pelatih merasakan kemahiran yang diikuti di Institut Kemahiran Mara amat berfaedah kepada diri mereka apabila bekerja nanti. Keupayaan responden menjalankan kerja amali di bengkel pula, pernyataan dapat menggunakan peralatan kerja amali yang berada di bengkel IKM dengan baik, juga menunjukkan purata min yang tinggi. Ini menunjukkan keyakinan responden untuk mengendalikan peralatan dan mesin yang ada di bengkel, di mana ia adalah suatu aspek yang amat penting berkaitan dengan kebolehan dalam kerja responden. Responden juga berkeyakinan di dalam menjalankan kerja-kerja , yang diarahkan oleh tenaga pengajar setelah menjalani latihan atau tunjuk ajar yang diberikan oleh tenaga pengajar di institusi ini.

Pakar psikologi ada mengatakan bahawa manusia itu akan belajar dengan lebih mudah dan baik apabila diberi peluang untuk mengamalkan (aplikasi) segala kemahiran baru dan pengetahuan yang mereka perolehi khususnya untuk latihan kerja di mana kemahiran-kemahiran khusus adalah sangat diperlukan (Wan Azmi Ramli, 1984).

Begitu juga dengan latihan kemahiran yang diberikan kepada para pelatih di Institusi Kemahiran, seharusnya dididik dengan tanggapan, pemikiran, kemahiran dan sikap yang betul supaya mereka dapat menyesuaikan diri dengan sebarang keadaan. (Tajul Ariffin Noordin, 1990)

Oleh yang demikian, latihan kemahiran yang diberikan kepada para pelatih di Institusi Kemahiran seharusnya benar-benar dapat memberikan faedah sepenuhnya untuk digunakan para pelatih apabila mereka memasuki ke alam pekerjaan.

Adakah pelatih berkecenderungan untuk bekerja sendiri?

Secara keseluruhannya aspek pelatih berkecenderungan untuk bekerja sendiri, menunjukkan ianya adalah pada tahap yang tinggi. Keadaan ini menggambarkan responden yang dilatih kebanyakannya, lebih beminat dan bercita-cita untuk berusaha menjalankan perniagaan sendiri atau lebih dikenali sebagai usahawan. Keadaan ini dapat dilihat di dalam beberapa soalan yang diajukan kepada responden seperti soalan ke 10, dimana pernyataan saya lebih benninat untuk membuka perniagaan sendiri apabila tamat latihan di institusi ini menunjukkan sebanyak 67.5% menyatakan setuju, 15.6% sangat setuju dan selebihnya menyatakan tidak pasti atau tidak setuju.

Fenomena ini memberikan gambaran positif kepada negara, dimana tahap kesedaran dikalangan belia dapat ditingkatkan dengan adanya belia-belia seperti ini yang tidak hanya bergantung kepada orang lain dan juga pihak kerajaan selain daripada mengurangkan masalah pengangguran di kalangan belia. Ini adalah kerana pada kebiasaannya pelatih-pelatih sukar untuk memperolehi pekerjaan dimana mereka terpaksa bersaing dengan belia-belia lain daripada pelbagai institusi kemahiran atau pun pekerja asing yang upah mereka lebih rendah berbanding dengan pekerja tempatan. Ini selaras dengan pernyataan Che Mat (2000), dimana pelatih-pelatih yang keluar dari institusi latihan kemahiran juga menghadapi masalah untuk mendapatkan tempat bekerja yang sesuai dengan bidang latihan yang diikuti. Antara faktor penghalangnya ialah daya maju perusahaan industri kecil dan sederhana yang menjadi tumpuan tempat mendapatkan pekerjaan.

Negara kita yang sedang pesat membangun ini sememangnya perlu kearah bagi menyediakan rakyat yang lebih berdikari terutama golongan belia, bagi menjayakan wawasan 2020. Ini selaras dengan pemyataan YAB En.Anwar Ibrahim sewaktu beliau menjadi Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan di dalam Tajul Ariffin Noordin (1990), yang menyatakan,

”... ..segala rancangan pada masa depan bertujuan untuk mencelikan masyarakat berdasarkan prinsip-prinsip yang sedia ada dan bukannya menjadikan masyarakat yang sentiasa menunggu untuk menerima bantuan dari mana-mana pihak ”

Merujuk kepada soalan 13, pernyataan berkenaan bekerja sendiri adalah lebih baik daripada makan gaji dan soalan 14, bekerja sendiri memberikan lebih kepuasan kepada saya adalah antara faktor yang menyebabkan mengapa pelatih berminat untuk bekerja sendiri dimana masing-masing menunjukkan min yang tinggi. Ini merupakan perkembangan yang terbaik di mana dengan adanya belia seperti ini, negara kita bukan sahaja akan memperolehi usahawan muda yang berwawasan, malah negara juga dapat memperkembangkan lagi kepesatan ekonomi serta belia yang lebih berfikiran positif dan

berdikari dalam dunia pekerjaan.

Adakah latihan yang diikuti dapat memberi peluang pekerjaan yang luas?

Dilihat daripada dapatan daripada soal selidik mengenai aspek latihan yang diikuti dapat memberi peluang pekerjaan yang luas menunjukkan purata min yang tinggi, dimana pernyataan seperti (soalan 17) saya yakin banyak sektor pekerjaan yang boleh saya ceburi setelah tamat latihan di institusi ini dan (soalan 21) latihan kemahiran yang diikuti di institusi ini dapat memberi pelbagai peluang pekerjaan menunjukkan 100% menyatakan setuju atau sangat setuju.

Responden berasa yakin dengan situasi ini kerana pada pernyataan soalan 23 menyatakan terdapat banyak agensi yang datang untuk menemuduga pelatih bagi mengisi kekosongan di dalam sektor pekerjaan pada tahun akhir latihan di institusi, ini menunjukkan 100% menyatakan setuju atau sangat setuju. Situasi ini menunjukkan bahawa dengan menjalani latihan di institusi ini pelatih akan memperolehi pelbagai peluang pekerjaan dengan terdapatnya pihak agensi sendiri yang datang untuk menemuduga pelatih tanpa pelatih keluar untuk mencari pekerjaan.

Sememangnya tidak dapat dinafikan bahawa keperluan sumber tenaga manusia bagi negara adalah amat diperlukan bagi menjayakan wawasan untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang maju dalam sektor perindustrian. Dengan itu adalah diharapkan supaya latihan yang dibekalkan di institusi-institusi kemahiran dapat membekalkan tenaga kerjaya berkemahiran dimana, latihan yang disediakan di institusi kemahiran lebih menekankan kepada usaha membentuk belia sebagai pekerja separuh mahir atau mahir untuk membolehkan mereka memasuki pasaran tenaga kerja yang lebih mencabar akibat perubahan teknik dan teknologi yang lebih canggih atupun menggalakkan perkembangan dan pertumbuhan industri kecil dan sederhana. Situasi ini, menjadikan peluang-peluang pekerjaan bagi pelatih-pelatih di institusi kemahiran ini lebih luas berbanding dengan belia-belia tanpa latihan kemahiran.

Adakah latihan yang diikuti menepati kehendak para pelatih untuk mendapat pekerjaan?

Secara keseluruhannya aspek bagi persoalan kajian ke empat ini juga menunjukkan purata min yang tinggi. Dengan ini, dapatlah dinyatakan bahawa latihan yang diikuti oleh para pelatih di institusi ini menepati kehendak para pelatih untuk mendapatkan pekerjaan. Situasi ini dapat dilihat dengan pernyataan soalan seperti soalan 28 yang menyatakan saya yakin dengan latihan yang diperolehi sekarang akan memudahkan saya untuk mendapatkan pekerjaan yang saya kehendaki dimana, 70.1% responden menyatakan setuju dan 29.9% menyatakan sangat setuju. Ini adalah kerana pelatih berasa yakin untuk menceburi bidang pekerjaan dengan mengikuti latihan di institusi ini bagi pernyataan soalan 26 dimana, 61 % responden menyatakan setuju dan 39% menyatakan sangat setuju.

Ini menunjukkan dengan latihan yang diperolehi di institusi ini, bukan sahaja dapat memberikan latihan dan kemahiran yang mencukupi bagi membolehkan mereka memasuki bidang pekerjaan untuk keperluan ekonomi kehidupan mereka, malah ia juga

dapat memenuhi kehendak mereka di dalam bidang pekerjaan. Perkara ini selaras dengan pernyataan P. Shephard (1989) dimana beliau menyatakan bahawa pekerjaan seharusnya mempunyai potensi untuk memenuhi bukan sahaja keperluan ekonomi seseorang tetapi juga memberikan atau memenuhi keperluan sosial dan peribadi.

Oleh yang demikian adalah perlu latihan yang diikuti dapat memenuhi kehendak para pelatih terhadap pekerjaan supaya mereka dapat melakukan sesuatu kerja itu dengan penuh minat, dedikasi, bersungguh-sungguh serta bertanggungjawab.

KESIMPULAN

Pekerjaan merupakan salah satu keperluan kepada setiap manusia yang hidup di muka bumi ini. Pekerjaan dan latihan juga tidak dapat dipisahkan kerana dengan adanya latihan seseorang itu akan lebih memahami tugas-tugas yang perlu dilaksanakannya di dalam bidang pekerjaan yang diceburi.

Daripada analisis, di dapati pandangan para pelatih terhadap latihan yang diikuti menunjukkan purata min yang tinggi iaitu dengan purata 4.35. Ini menunjukkan responden dapat menguasai kemahiran yang diperolehi di IKM untuk disalurkan ke dalam bidang pekerjaan yang akan diceburi mengikut keperluan dan kehendak mereka di dalam bidang pekerjaan.

Responden juga lebih berkecenderungan untuk bekerja sendiri dimana purata min skornya menunjukkan purata min yang tinggi iaitu 4.0. Pernyataan seperti saya bercita-cita untuk membuka perniagaan sendiri pada suatu hari nanti menunjukkan purata min yang tinggi di mana dengan latihan yang diperolehi, responden lebih berkeyakinan untuk berdikari dengan membuka perniagaan sendiri dengan lain kata bekerja sendiri.

Dengan latihan yang diikuti, responden juga merasakan peluang-peluang pekerjaan untuk mereka adalah lebih luas. Ini dapat dibuktikan dengan kehadiran wakil dari pelbagai agensi yang datang untuk menemuduga pelatih pada tahun akhir latihan mereka di IKM. Ianya selaras dengan pernyataan bagi soalan ke 23 iaitu terdapat banyak agensi yang datang untuk menemuduga pelatih bagi mengisi kekosongan di dalam sektor pekerjaan pada tahun akhir latihan di institusi ini. Selain daripada itu pendapat bahawa pelatih lepasan institusi yang berasaskan vokasional tidak perlu menunggu begitu lama untuk mendapatkan pekerjaan seperti yang dinyatakan oleh Mohamad (1992) dan ia di sokong oleh pendapat Ismail Mamat (1993), yang mendapati 82% bekas pelatih mendapat pekerjaan dalam tempoh kurang dari satu tahun.

Berdasarkan analisis juga, latihan yang diikuti dapat memenuhi kehendak pelatih untuk mendapatkan pekerjaan juga menunjukkan skor yang tinggi. Ini jelas menunjukkan bahawa latihan yang diperolehi dapat memenuhi kehendak responden bagi mendapatkan pekerjaan.

Justeru itu, latihan-latihan kemahiran yang diperolehi oleh para belia kita di negara ini, seharusnya bukan sahaja dapat memenuhi keperluan sumber tenaga manusia negara, perkara-perkara yang berkaitan dengan peribadi belia itu sendiri iaitu dari segi keperluan

atau kehendak juga perlu diambil kira. Ini adalah supaya para belia yang menyumbangkan tenaga kepada negara dapat menyeimbangkan emosinya supaya dapat melakukan pekerjaan yang dilakukan dengan penuh rasa minat, bersungguh-sungguh dan bertanggungjawab.

CADANGAN

Walaupun penyelidikan ini hanya tertumpu kepada pelatih di IKM Johor Bahru, namun dapatan dari penyelidikan ini diharapkan boleh digunakan pelbagai lapisan dari institusi latihan lain sama ada swasta mahupun kerajaan yang mengendalikan program latihan kemahiran vokasional. Adalah diharapkan penyelidikan ini dapat menjadi sumber pengetahuan, rujukan serta panduan kepada semua pihak terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung ke arah kemajuan pendidikan vokasional dan teknik di negara ini.

Berdasarkan keputusan dan hasil penyelidikan yang diperolehi, berikut adalah disenaraikan beberapa cadangan kepada pelbagai pihak terlibat khususnya kepada pihak IKM sendiri, MARA, Kementerian Sumber Manusia dan juga pelbagai pihak lagi yang terlibat di dalam menjayakan latihan kemahiran ini. Antara cadangan penyelidikan adalah seperti berikut;

- Adalah disarankan agar pihak institusi latihan dapat memberikan latihan yang setaraf dengan apa yang diperlukan oleh pihak agensi pekerjaan bagi membolehkan tahap pengaplikasian kemahiran yang diperolehi oleh pelatih dapat di gunakan secara maksimum. Oleh itu perlulah adanya perhubungan yang baik diantara pihak institusi dengan pihak industri.
- Hasil daripada dapatan kajian menunjukkan ramal diantara responden berminat untuk bekerja sendiri. Dengan itu, adalah perlu bagi pihak yang terlibat menentukan latihan yang diberikan berteraskan kepada amalan perniagaan serta mengadakan seminar-seminar keusahawanan supaya pelatih dapat didedahkan kepada dunia pemiagaan serta lebih bersedia menempuhi alam pemiagaan.
- Adalah perlu bahawa pelatih mengetahui bidang pekerjaan yang sesuai yang akan diceburi dengan latihan yang diikuti. Dengan ini, pelatih akan mengetahui kehendak-kehendak latihan yang perlu dikuasai berdasarkan kepada bidang pekerjaan. Oleh itu adalah perlu bagi setiap institusi latihan menekankan bidang pekerjaan yang boleh diceburi oleh para pelatihnya setelah tamat latihan. Bukan sahaja sebelum latihan bermula, malah semasa latihan juga, penekanan perkara ini perlu juga diberi perhatian dengan sewajarnya.
- Adalah perlu bagi sesebuah institusi latihan itu untuk menyediakan sumber tenaga bagi keperluan negara. Walaubagaimanapun perlu diingat bahawa pelatih-pelatih ini juga merupakan manusia biasa yang mempunyai naluri kehendak serta keperluan peribadi yang perlu dipenuhi. Oleh itu, latihan yang diberikan juga perlulah menitik beratkan nilai-nilai yang boleh membawa kepada perkembangan positif pelatih dengan memberikan latihan yang dapat menyeimbangkan kehendak

dan keperluan pelatih itu sendiri. Dengan ini, adalah perlu bagi pihak yang terlibat untuk merangka latihan yang selaras dengan pernyataan yang dinyatakan tadi.

RUJUKAN

- Bloch S. and Bates T. (1995). "Employability". London: Kogan Page Ltd.
- Bloom, B. S. (Ed.) (1989). "Taksonomi Objektif Pendidikan." (Abdullah Junus). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka (1979).
- Peter Shephard (1989) "Panduan Perancangan Hidup Dan Kerjaya." Selangor Fong and Sons Printers Ftc. Ltd.
- Hishamuddin Tajuddin (1995). "Hala Tuju Pelajar-Pelajar Kejuruteraan Elektrik (Jurusan Elektrik dan Penjaga Jentera Elektrik) Selepas Tamat Pengajian di IKBN, Dusun Tua Satu Kajian Kes". Tesis Sarjana Muda UTM.
- Ibrahim Mamat (1996)." Reka bentuk Dan Pengurusan Latihan Konsep Dan Amalan." Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kementerian Pendidikan Malaysia (1979). "Laporan Jawatankuasa Kabinet Mengkaji Dasar Pelajaran (1979)". Kuala Lumpur: Jabatan Cetakan Negara Malaysia.
- Mohamad Samad (1992), "Penerimaan industri terhadap lepasan Sekolah Menengah Vokasional (SMV) jurusan elektronik." Projek Sarjana Muda Universiti Teknologi Malaysia.
- Muhd Mansur Abdullah, Siti Nordinar Mohd. Tamin (1989). "Kaunseling Kerjaya (Teori dan Amalan)." Kuala Lumpur: Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Robiah Sidin (1998). "Pemikiran Dalam Pendidikan" Shah Alam: Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Robiah Sidin (1994). "Pendidikan di Malaysia: Cabaran Untuk Masa Depan". Kuala Lumpur: Fajar Bakti Sdn. Bhd. Selangor : Darul Ehsan.
- Rozhan Othman (1997). "Pengurusan Personel dan Perancangan Guna Tenaga." Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Tajul Ariffin Nordin (1990), "Pendidikan Belia." Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka
- Shahril @ Chairil Marzuki *et.al* (1998). "Pendidikan di Malaysia." Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors.
- Wan Azmi Ramli (1984). "Latihan Satu Halacara Profesional." Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti.
- Zainal Mohd Salleh dan Fauzi Mat Daud (1997). "Sekolah Untuk Kerja: Cadangan Untuk Dipertimbangkan Dalam Sistem Pendidikan Malaysia." *Kertas Kerja Seminar' Kebangsaan Pendidikan Teknik dan Vokasional*. UPM: "Tidak diterbitkan."
- Zakaria Abd. Rashid, T. Subahan Mohd. Meerah (1990). "Aspirasi Kerjaya di kalangan Pelajar Sekolah Menengah Vokasional Pertanian". Jurnal Universiti Pertanian Malaysia